

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MEI 2025

AKHBAR : Utusan Malaysia

MUKA SURAT : 4

[ KEB] 24/05/2025 : Utusan Malaysia (ms 4) Transformasi Ekonomi Bumiputera tidak boleh sekadar hiasan kabinet

4 | Utusan Malaysia  
SABTU • 24 MEI 2025

Dalam Negeri

# Transformasi Ekonomi Bumiputera tidak boleh sekadar hiasan Kabinet

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berpendangan impak yang dijanjikan daripada Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) masih belum dirasai oleh masyarakat.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut mempersoalkan sama ada agensi dan pihak berkuasa pelan berkenaan telah benar-benar digrap.

"Alhamdulillah daripada kongres lalu, kita lahirkan satu pelan bersejarah PuTERA35 sebagai peta jalan baharu untuk memperkuatkan kedudukan Bumiputera dalam ekonomi negara.

"Namun sejurnya saya ingin bertanya adakah kita benar-benar telah menggarap agenda tu? Adakah impak yang dijanjikan sudah dirasai oleh rakyat? Jika tanya saya, belum lagi," katanya pada Sesi Per-

**AHMAD ZAHID HAMIDI** ketika hadir pada Majlis Sesi Permukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) di PICC, Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

mukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di PICC Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

PuTERA35 yang dilancarkan pada 19 Ogos 2024 adalah satu kerangka tindakan holistik untuk memperkuatkan ekonomi bumiputera dalam tempoh 10 tahun akan datang,

Susulan itu, Ahmad Zahid mahu satu anjakan serius dilakukan agar hasrat besar KEB dapat diterjemahkan menerusi 132 ikhtiar di bawah PuTERA35.

"Saya mahu ia diberikan keutamaan penuh dan mesti ada keberhasilan. Kita perlu garis masalah yang jelas. Kita tidak boleh lagi terperangkap dalam retorik tanpa kesudahan.

"Apabila saya melihat status pencapaian semasa saya dapat masih banyak yang belum digerakkan. Ini adalah dasar kerajaan jadi ia perlu menjadi kerangka utama bagi semua kementerian, bukan hanya Kementerian Ekonomi atau KKDW. Semua kementerian, tanpa pengecualian, mesti memainkan peranan aktif seperti yang telah di aspirasikan," katanya.

Justeru, beliau mengarahkan supaya Timbalan Kerua Setiausaha (Dasar) di setiap kementerian untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan PuTERA35.

Katanya, peranan tersebut akan diperkuatkan oleh Unit Pemerkasaan Bumiputera (UPB) yang harus distruktur semula mengikut kesesuaian masa kini.

Pada masa sama, Ahmad Zahid juga mahu peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang lebih strategik.

"Saya menyeru agar semua GLC, GLIC dan entiti korporat strategik tampil sebagai rakan pelaksana utama. Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) telah beri mandat yang jelas, GLC dan GLIC mesti melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera dan memperluas rantauan nilai mereka," ujarnya.

Sebagai langkah ke hadapan, Ahmad Zahid mengumumkan bahawa Sesi Pemukiman Kongres Ekonomi Bumiputera akan dijadikan sebagai acara tahunan tetap bagi melonjak semula agenda pembangunan bumiputera secara kolektif, merentas semua kementerian, agensi dan sektor.



TARIKH : 24 MEI 2025  
AKHBAR : Kosmo  
MUKA SURAT : 7

[ KEB] 24/05/2025 : Kosmo (ms 7) PuTERA35 bukan sekadar hiasan fail dalam kabinet - Ahmad Zahid

## PuTERA35 bukan sekadar hiasan fail dalam kabinet – Ahmad Zahid

**PUTRAJAYA** – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berpandangan impak yang dijanjikan daripada Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) masih belum dirasai oleh masyarakat.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu turut mempersoalkan sama ada agenda daripada pelan bagi memperkuat kedudukan Bumiputera dalam ekonomi negara telah benar-benar digarap.

“Adakah impak yang dijanjikan sudah dirasai oleh masyarakat? Jika tanya saya, belum lagi PuTERA35 yang dihasilkan tidak boleh hanya menjadi hiasan dalam fail kabinet, tuan-tuan puan-puan.

“Ia adalah komitmen nasional untuk memperkuat penyerataan, pemilikan dan penggunaan ekonomi oleh Bumiputera. Tapi jika komitmen ini tidak diterjemahkan kepada tindakan, maka kita hanya membazir masa dan kepercayaan rakyat,” katanya sempena Sesi Permukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Putrajaya semalam.

PuTERA35 yang dilancarkan pada 19 Ogos tahun lalu adalah



AHMAD ZAHID pada Majlis Sesi Permukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 di Putrajaya, semalam.

satu kerangka tindakan holistik untuk memperkuat ekonomi bumiputera dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Susulan itu, Ahmad Zahid mahu satu anjakan serius dilakukan agar hasrat besar KEB dapat diterjemahkan menerusi 132 ikhtiar di bawah PuTERA35.

“Saya mahu ia diberikan ketamatan penuh dan mesti ada keberhasilan. Kita perlukan garis masa yang jelas. Kita tidak boleh lagi terperangkap dalam retorik

tanpa kesudahan.

“Apabila saya melihat status pencapaian semasa saya dapati masih banyak yang belum digerakkan. Ini adalah dasar kerajaan jadi ia perlu menjadi kerangka utama bagi semua kementerian, bukan hanya Kementerian Ekonomi atau KKDW,” ujarnya.

Justeru, beliau mengarahkan supaya Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) di setiap kementerian untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan PuTERA35.

TARIKH : 24 MEI 2025  
AKHBAR : Berita Harian  
MUKA SURAT : 13

[ KEB] 24/05/2025 : Berita Harian (ms 13) Usah jadikan PuTERA35 hiasan dalam fail kabinet

**Sabtu, 24 Mei 2025** **Nasional** **13**

# ‘Usah jadikan PuTERA35 hiasan dalam fail kabinet’

**TPM mahu semua kementerian aktif realisasikan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera**

Oleh Mohd Iskandar Ibhah dan Alzahrin Alias  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), program yang diwujudkan setahun lalu untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara, tidak boleh hanya ‘menjadi hiasan dalam fail kabinet’.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata sebaliknya ia perlu diperkasakan supaya mencapai matlamat kerana ia adalah komitmen nasional untuk memperkuuh penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera.

“Apabila saya melihat status pencapaian semasa, saya dapat masih banyak yang belum digerakkan. Ini dasar kerajaan. Jadi, perlu menjadi kerangka utama bagi semua kementerian bukan hanya Kementerian Ekonomi dan Kewangan, Kemajuan Desa dan Wilayah.

“Semua kementerian, tanpa pengecualian, mesti memainkan peranan aktif seperti yang telah dispirasikan.

“Jika komitmen ini tidak diterjemahkan kepada tindakan, kita hanya membazir masa dan membazir kepercayaan rakyat. Kita sudah ada pelan dan struktur, yang tinggal kini ialah disiplin pelaksanaan dan keberanian membuat keputusan,” katanya ketika merasmikan Sesi Pemukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di sini semalam.

Beliau berkata sejak PuTERA35 dilancarkan pada KEB tahun lalu yang merangkumi tiga teras, 12 perancu dan 132 ikhtiar, ia mencapai kejayaan pelaksanaan sebanyak 15.7 peratus.

Beliau yang juga Menteri Kementerian Desa dan Wilayah berkata, sebagai pelan jangka panjang yang dirangka untuk memacu pembangunan dan pemilikan ekonomi dalam kalangan Bumiputera, PuTERA35 tidak boleh sekadar menjadi dokumen dasar semata-mata.

**Pegih tindakan nyata**

Katanya, ini perlu diterjemah kepada tindakan yang nyata, terancang dan menyeluruh kerana tanpa pelaksanaan yang berkesan, agenda ini berisiko tidak memberi kesan seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Ahmad Zahid turut menegaskan sudah tiba masanya untuk s'luatu eksistensi kerajaan memperkuuh tuntutan sepehunya kepada pelaksanaan sebenarnya kepada pelaksanaan sebenarnya kepada pelaksanaan sebenarnya.

**Sesi Permukiman**

**Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera 2024**

VIA DENG'S Sel Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi

Ahmad Zahid menyampaikan ucapan pada Sesi Permukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

agenda PuTERA35.

Beliau berkata, satu dorongan kukuh dengan momentum kebangsaan perlu dilaksanakan bagi mengubah misi pemerkasaan Bumiputera menjadi satu gerakan yang benar-benar berkesan.

Katanya, lonjakan itu boleh dicapai menerusi lima tindakan utama yang perlu dilaksanakan secara berfasa dan menyeluruh dengan setiap penucuk di bawah PuTERA35 perlu mempunyai peran komited, kreatif, agresif dan konstien.

“Rakyat berhak tahu, berapa usahawan Bumiputera telah dilahirkan tahun ini? Berapa yang telah naik daripada mikro kepada perusahaan sederhana? Berapa graduan TVET (Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional) kini bergaji RM4,000 ke atas?

“Data tanpa naratif tidak hidup. Naratif tanpa data hanyalah propaganda,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, tindakan kedua yang perlu dilaksanakan ialah pendekatan pelaporan perlu diubah daripada pasif dan bersifat tahanan kepada pelaporan yang proaktif, berdasarkan data masa nyata serta boleh diakses secara terbuka.

Selain itu katanya, semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) perlu memainkan peranan yang lebih strategik sebagai rakan pelaksana utama agenda Bumiputera.

Beliau berkata, ia juga seiring dengan mandat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahukan GLC dan GLIC melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dan memperluaskan rantai-an nilai mereka.

TARIKH : 24 MEI 2025  
AKHBAR : Berita Harian  
MUKA SURAT : 13

24/05/2025 : Berita Harian (ms 13) BNM ada banyak rusng turunkan kadar faedah

**Business**

# BNM ada banyak ruang turunkan kadar faedah

Ahli ekonomi sifatkan data DOSM cerminkan persekitaran inflasi domestik stabil

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Bank Negara Malaysia (BNM)** di- lihat mempunyai ruang untuk melonggarkan dasar monetari dengan menurunkan kadar faedah selepas data Indeks Harga Pengguna (IHP) April menunjukkan tekanan inflasi domestik kekal terkawal, demikian menurut Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB).

Data terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan inflasi keseluruhan kekal pada kadar 1.4 peratus tahun ke tahun pada April, sama seperti bulan sebelumnya, sejajar dengan jangkaan pasaran.

Inflasi teras pula meningkat sedikit kepada 2.0 peratus daripada 1.9 peratus pada bulan sebelumnya.

Ahli Ekonomi HLIB, Felicia Ling, berkata data terbaharu men-

cerminkan persekitaran inflasi domestik yang stabil, memberikan lebih banyak ruang kepada BNM untuk melonggarkan dasar monetari.

"Walaupun unjuran inflasi kekal pada 2.7 peratus bagi tahun ini, terdapat risiko penurunan kepada unjuran ini berikutkan tekanan permintaan yang sederhana serta harga komoditi global yang lebih lemah," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Pada mesyuarat terakhirnya, iaitu 8 Mei lalu, BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 3.0 peratus, tidak berubah selama 13 mesyuarat berturut-turut sejak Mei 2023.

Kenaikan inflasi teras pada April dipacu oleh peningkatan dalam perumahan, utiliti dan bahan api kepada 2.0 peratus tahun ke tahun, serta penjagaan peribadi yang melonjak 4.1 peratus.

Sebaliknya, kos komunikasi turus menyusut, tetapi dalam kadar lebih perlahan, iaitu 4.5 peratus berbanding 5.4 peratus pada Mac.

Indeks pengangkutan pula kekal stabil pada kadar pertumbuhan tahunan 0.7 peratus, disokong penurunan kecil dalam tambang pengangkutan awam dan pertumbuhan sederhana dalam kos operasi kenderaan persendirian.

Ling berkata data terbaharu men-

kepada 2.3 peratus, didorong per- turunan lebih besar dalam harga sayur-sayuran dan produk tenusu.

Inflasi 'makan di rumah' dan 'makan di luar' kedua-duanya mencatat pernyusutan kecil berbanding bulan sebelumnya.

#### Kenaikan inflasi teras

Dari segi bulanan, IHP keseluruhan meningkat sedikit sebanyak 0.1 peratus pada April, disumbangkan oleh kategori seperti maklumat & komunikasi, penjagaan peribadi, serta perumahan dan rekreasi.

Mengikut data DOSM, inflasi perkhidmatan meningkat sedikit kepada 2.1 peratus, didorong kos penjagaan peribadi lebih tinggi. Sesentara itu, inflasi untuk restoran & hotel, serta perkhidmatan kewangan kekal stabil.

Menurut HLIB, kenaikan se- derhana dalam inflasi teras turut disokong oleh peningkatan dalam kategori perumahan, utiliti dan bahan api (2.4 peratus) serta penyusutan lebih perlahan dalam kos komunikasi.

Bank pelaburan itu menjak- kakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan menyederhana kepada 4.0 peratus tahun ini, turun dari pada 5.1 peratus pada 2024, sejajar dengan unjuran permintaan yang lebih perlahan.

"Tambahan pula, kadar per- tukaran ringgit dijangka purata pada RM4.35 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sepanjang tahun ini, berbanding purata RM4.57 tahun lalu, sekali gus menunjukkan potensi kesta- bilan nilai mata wang tempatan," kata HLIB.

